

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91**

**Oktober/November 1990**

**EUP 302 Psikologi Perindustrian**

**Masa : [2 jam]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

**Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

**Jawab EMPAT (4) soalan.**

**Agihan markah bagi setiap soalan diberikan di sudut sebelah kanan sebagai peratusan daripada markah keseluruhan yang diperuntukkan bagi soalan berkenaan.**

**Jawab kesemua soalan dalam Bahasa Malaysia.**

**...2/-**

1. **SAMA ADA**

- (a) Lanjutan dari Teori Dua Faktor, Frederick Herzberg telah menyarankan kepada pendekatan merubah rekabentuk kerja iaitu:
- (i) Pusingan Kerja
  - (ii) Peluasan Bidang Kerja, dan
  - (iii) Perkayaan Kerja untuk meninggikan motivasi pekerja.

Bincangkan pendekatan-pendekatan berikut dan apakah masalah-masalah yang mungkin timbul jika pendekatan-pendekatan ini dilaksanakan.

(100 markah)

**ATAU**

- (b) (i) Apakah perbezaan-perbezaan yang ketara di antara pendekatan teori kepuasan hati dengan teori proses mengenai penerangan berkaitan motivasi kerja.
- (ii) Dengan berasaskan teori jangkaan bagaimanakah seseorang pengurus memotivasi subordinatnya.

(60 markah)

2. (a) Huraikan perbezaan ciri-ciri asas bentuk keperibadian A dengan B. Adakah kemungkinan pekerja yang mempunyai keperibadian bentuk A lebih produktif daripada bentuk B.

(40 markah)

- (b) Apakah telahan perilaku yang akan anda jangkakan jika anda mengetahui subordinat anda mempunyai keperibadian berikut:

...3/-

- (i) kawalan lokus luaran
- (ii) berorientasikan pencapaian yang tinggi
- (iii) fahaman autoritari yang tinggi, dan
- (iv) 'machiavellianism' yang tinggi.

(60 markah)

3. SAMA ADA

- (a) (i) Lukis dan terangkan carta 'X' yang telah diperkenalkan oleh Roethlisberger.  
(40 markah)
- (ii) Bagaimanakah pihak pengurusan boleh mendapatkan sokongan perubahan untuk melaksanakan sesuatu perubahan dengan jayanya.  
(60 markah)

ATAU

- (b) (i) Pendekatan sifat tidak mencukupi bagi memahami kepimpinan. Beri komen anda mengenai kenyataan tersebut.  
(50 markah)
- (ii) Kenneth H. Blanchards menyarankan corak kepimpinan yang berkesan merupakan kepimpinan yang dipadankan dengan perkembangan dan kematangan para pekerja. Bincangkan teori kepimpinan bersituasi yang diperkenalkan olehnya.  
(50 markah)

4. (a) Berikan sebab-sebab mengapa pengurus moden perlu memberi perhatian kepada kesan tekanan ke atas pekerja dan rakan sekerja mereka.

(60 markah)

...4/-

- (b) Apakah strategi-strategi yang perlu dilaksanakan oleh pihak pengurusan untuk mengurangkan kesan tekanan di tempat kerja.

(40 markah)

-oooooooooooo-